

Headline **Mereka perlu dibantu segera**
Date **16 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,183**

Language **Malay**
Page No **15**
Article Size **215 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **3,548**



Mereka perlu dibantu segera

PEMEGANG Amanah dan Penasihat Undang-Undang di Yayasan Al-Ijabah, Muhamad Abdullah berpendapat isu ini perlu ditangani segera memandangkan semakin ramai pesakit Aids beragama Islam yang terbiar dan dipinggirkan keluarga memilih untuk ditempatkan di rumah ibadat agama lain.

Bertindak atas dasar kemanusiaan, beliau bersama pasukannya sedang menggiatkan usaha untuk mendapatkan bantuan daripada pihak kerajaan dan swasta dalam usaha mewujudkan sebuah kediaman yang lebih sesuai dan bermakna untuk para pesakit Aids yang tiada tempat bergantung itu.

Dalam masa yang sama, langkah segera telah diambil dengan membawa keluar beberapa pesakit dari gereja tempat perlindungan mereka dan menempatkan mereka di sebuah rumah teres dua tingkat yang disewa khas untuk tujuan itu.

"Sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), adalah amat mustahil kami dapat bantu kesemua pesakit Aids terbabit dalam tempoh yang singkat. Jumlah mereka agak ramai sedangkan sukarelawan yang ada sekarang terlalu sedikit.

"Selain masalah lokasi dan penempatan yang sesuai, mereka juga memerlukan penjagaan rapi dan bekalan ubat-ubatan secara

berterusan. Semua itu melibatkan kos yang tinggi dan kita tiada dana untuk tujuan itu," katanya yang banyak terlibat dengan kerja amal.

Muhamad berkata, setakat ini sudah lapan pesakit yang dipindahkan dan mereka adalah pesakit yang mampu berjalan dan menguruskan diri sendiri sambil dibantu beberapa individu yang berkhidmat secara sukarela.

"Kalau boleh, memang kami nak bawa semua sekali, tetapi

kami belum mampu. Masih banyak kekurangan yang perlu diatasi. Kalau tak dapat sediakan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik daripada yang ada sekarang pun, biarlah setaraf.

"Lagipun, pesakit yang masih tinggal di gereja kebanyakannya tak boleh berjalan dan perlu jagaan rapi. Kalau bawa juga, tentu mereka tak selesa dan memberi kesan tidak baik terhadap kesihatan mereka.

"Saya percaya jika pesakit di sana (gereja) tahu masih banyak kekurangan di tempat baru, mereka pun tak mahu pindah," katanya.

Maklum akan perkara ini kira-kira sebulan lalu, Muhamad mengakui pihak gereja menjaga kesemua pesakit Aids dengan baik tanpa mengira bangsa, kaum dan agama.

Mengulas mengenai bantuan yang diperoleh, setakat ini beliau sudah pun berbincang dengan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan Hospital Pusrawi.

"Membantu mereka adalah tanggungjawab kita. Sudahlah disisih keluarga, siapa lagi yang mahu bela nasib mereka kalau bukan kita? Mereka kurang sesuai di situ.

"Saya harap masyarakat dan pihak tertentu sedar dan dapat berfikir sejenak mengapa pesakit-pesakit ini perlu diberikan bantuan segera," katanya.



● MUHAMAD ABDULLAH